

Lelaki disyaki dera dua anak ditahan

Seorang daripada mangsa dapat bantuan jiran buat aduan polis dakwa dipukul

Oleh Mohd Hafizee Mohd Arop
hafizee@nstp.com.my

Taiping: Polis menahan seorang lelaki berusia 40 tahun selepas dipercayai mendera dua anaknya berusia 12 dan 15 tahun di rumah mereka di Simpang, sejak tiga tahun lalu.

Difahamkan, penderitaan dua beradik itu terbongkar jam 5 petang, Selasa lalu, selepas salah seorang mangsa mendapatkan bantuan jiran dan membuat laporan polis mendakwa dipukul suspek.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Osman Mamat, berkata siasatan awal polis mendapati kedua-dua mangsa iaitu kakak serta adik lelakinya dipercayai menjadi mangsa dera berdasarkan kesan lama dan baharu ditemui pada tubuh mangsa.



Suspek dipercayai menyuruh mangsa membeli barang dapur namun mangsa tidak mempunyai wang untuk membeli barang dapur.

Osman Mamat,
Ketua Polis Daerah Taiping

Katanya, perbuatan suspek disedari apabila anak lelakinya berusia 12 tahun itu mendapatkan bantuan jiran selepas dipukul menggunakan rotan hanya disebabkan tidak membeli barangan dapur.

“Suspek dipercayai menyuruh mangsa membeli barang dapur namun mangsa tidak mempunyai wang untuk membeli barang dapur.

“Suspek terus memarahi dan memaki mangsa, suspek juga memukul mangsa menggunakan rotan di bahagian punggung, betis dan lengan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Osman berkata, dua beradik itu kini berada di wad Hospital Taiping dan pemeriksaan kesihatan dilakukan bagi mengenal pasti kesan penderaan ditemui pada tubuh mangsa.

Beliau berkata, kesan penderaan lama dan baharu jelas kelihatan pada tubuh kanak-kanak lelaki itu, manakala kesan penderaan tidak jelas pada tubuh kakaknya.

Katanya, polis sudah menahan suspek dan direman bermula kelmarin sehingga esok bagi membolehkan siasatan dijalankan.